LAPORAN AKTIVITI (JANUARI 2018 – DISEMBER 2019)

1. Karnival Sukan ABRA 2018 (7 – 15 April 2018)

Pasukan TIEM telah berjaya menjadi Johan Keseluruhan, Karnival Sukan Keluarga ABRA 2018 yang berakhir pada 15 April 2018. Pasukan TIEM menguasai hampir keseluruhan acara yang dipertandingkan.

Tarik Tali : Johan
Netball : Johan
Sepak Takaw : Johan
Badminton lelaki dan wanita : Johan
Boling Lelaki : Johan dan Naib Johan
Boling Wanita : Johan dan Tempat Ketiga
Merentas Hutan : Johan
Bola Sepak : Naib Johan
Mountain Bike : Ke 3

2. Mesyuarat Agung kali pertama

Mesyuarat Agung kali pertama TiEM telah berjaya diadakan sebagaimana yang dirancang pada 1 April 2018. Walaupun bermula agak lewat sekitar jam 9.45 pagi namun ianya berjalan dengan lancar dengan kehadiran seramai 35 orang ahli.

3. Santai Sarapan TIEM 2018

Santai Sarapan Bersama TIEM telah berlangsung dengan jayanya pada 22 April 2018. Program bermula dengan sesi 'warm up' yang diketuai oleh saudara Faris Hazim yang juga salah seorang atlet olahraga Selangor yang tinggal bersama kakak beliau di lorong 74A. Selesai 'warm up', beliau mengajak warga TIEM yang hadir untuk sama-sama berjoging sebanyak 2 pusingan mengelilingi Tasik TIEM. Kehadiran semakin ramai samada bersama keluarga dan juga jiran tetangga.

Acara diteruskan lagi dengan sesi senamrobik, diketuai oleh Coach Syarin yang juga merupakan pemilik Jazzercise Fitness Program MYSTUDIO yang terletak di kawasan komersial Taman Alam Budiman. Acara ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada kaum ibu, bapa dan juga anak-anak. Sesi senamrobik yang diiringi dengan alunan muzik berlangsung hampir satu jam.

Sesi Santai Sarapan bermula hampir jam 9 pagi sebaik sahaja selesai acara senamrobik. Pelbagai juadah makanan dan minuman dibawa oleh warga TIEM untuk dinikmati bersama jiran-jiran yang hadir. Nasi lemak, mee hoon, kuih muih, kek, minuman sejak dan minuman panas serta bermacam lagi juadah yang tersedia.

Sambil menikmati sarapan pagi, acara mewarna untuk kanak-kanak turut diadakan bagi mencungkil bakat-bakat seni yang ada dikalangan anak-anak TIEM. Pertandingan dibahagikan kepada 2 kategori iaitu anak-anak yang berumur 4 hingga 6 tahun dan 7 hingga 10 tahun. Acara kanak-kanak turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran 'clown' yang didatangkan khas daripada Aloha Balloon & Party centre, Seksyen 7, Shah Alam.

Majlis turut dihadiri oleh Pasukan Bomba Bukit Jelutong yang secara kebetulan sedang menjalankan ujian kepada kenderaan dan peralatan mereka di Tasik TIEM. Sebanyak 3 peniaga Car Boot Sale yang terdiri daripada warga TIEM turut membuka booth jualan pakaian, lock cheng atau satay ikan dan juga Uce Cream Ummi.

Semasa acara dijalankan, AJK TIEM mengambil kesempatan untuk mengedarkan borang kajiselidik bagi mendapatkan maklumbalas, komen dan cadangan daripada warga TIEM demi untuk menambah baik persatuan yang baru ditubuhkan serta kejiranan TIEM.

Alhadulillah, program berakhir sekitar jam 11.30 tengahari dengan kehadiran hampir 100 orang warga TIEM.

4. Santai TIEM

Jogging / Senamrobik dan Car Boot Sale TIEM - 12 Ogos 2018

5. MAJLIS RAMAH MESRA AIDIL FITRI TIEM 2019

Majlis ini telah diadakan pada 13 Julai 2019, jam 8.00 malam bertempat di Perkarangan Gazebo Tasik TIEM. Sambuatan amat menggalakkan dimana lebih 80 keluarga telah hadir dan memeriahkan majlis. Pelbagai juadah telah disediakan oleh AJK penganjur serta ’potluck’ yang dibawa oleh jiran-jiran yang lain. Beberapa pertandingan permainan diantara lorong juga telah diadakan dan suasana amat meriah sekali disamping pelbagai hadiah yang disediakan untuk para pemenang.

Tahniah dan syabas buat warga TIEM yang telah bertungkus lumus untuk memastikan majlis ini berjalan dengan lancar dan baik.

6. Kekal Bersih Sejahtera Malaysia Peringkat TIEM 2019

Kekal Bersih Sejahtera Malaysia @ TIEM. Aktiviti kemasyarakatan warga TIEM telah berjalan lancar pada 29 Sept 2019. Majlis dimulakan dengan taklimat daripada Ustaz Hanafi selaku Pengerusi Pertubuhan Al Bazi dan juga bekas Presiden RCOMM Lestari, Encik Mohamad bin Budin, sebuah pertubuhan NGO yang berkait rapat dengan Lestari Sejahtera. Program turut mendapat kerjasama daripada Persatuan Penduduk Jalan 73-75 (TIEM), Alam Budiman dan juga MPP Zon 20.

Hampir 70 orang warga TIEM telah mengambil bahagian dan turut dibantu oleh kontraktor pembersihan MBSA. Sebuah tong RORO statik dari MBSA dan juga sebuah lori sampah taman telah digunakan bagi mengangkat sampah yang telah dikumpulkan di kawasan tasik dan juga di hadapan rumah warga TIEM.

Terima kasih kepada MPP Zon 20 dan MBSA diatas kemudahan peralatan yang telah dipinjamkan. Terima kasih juga kepada semua warga TIEM yang telah hadir dan meraikan program ini. Semoga ukhuwah diantara kita akan terus terjalin. Program tamat sekitar jam 10.40 pagi selepas sesi penutup oleh En Muhammad John. Aktiviti kekeluargaan ini selain daripada dapat membersihkan kawasan persekitaran, ia juga dapat merapatkan silaturrahim sesama jiran. Terima kasih semua.

7. KEAHLIAN TIEM

Berikut adalah statitistik keahlian EXSAS sehingga Disember 2020.

Lorong	Jumlah Ahli
Lorong 73	10
Lorong 73A	6
Lorong 73B	12
Lorong 74	11
Lorong 74A	12
Lorong 75A	5
Lorong 75B	4
Jumlah	60

Disediakan oleh ;

Fifi Natasya Binti Jamaluddin
Setiausaha